

BAB V

PENUTUP

## PENUTUP

## I) Kesimpulan

Sebagai hasil daripada huraian-huraian yang penulis kemukakan dari bab-bab yang lalu, maka penulis dapat membuat kesimpulan kesimpulan seperti berikut:

1. Kelantan telah terbukti sebagai sebuah negeri di Semenanjung Malaysia yang menerima kedatangan Islam pada awal abad ke 12 M.
2. Kelantan terkenal dengan perkembangan dan penyebaran Islamnya. Ini terbukti dengan kunjungan orang ramai ke negeri itu dan terdirinya institusi-institusi pendidikan Islam yang berbentuk pondok. Oleh kerana perkembangan yang pesat itu, negeri Kelantan pernah digelar "Serambi Mekah".
3. Perkembangan Islam di Kelantan telah melahirkan 'Calim Ulama' yang mahir dan berwibawa dalam berbagai bidang ilmu agama seperti Ilmu Usuluddin, Ilmu Shariat, Ilmu Tasawuf. Mereka mendapat pendidikan awal di Kelantan dan menyambung ke Timur Tengah, lalu kembali ke Kelantan sebagai tokoh agama yang terkenal.
4. Sehingga hari ini, tasawuf masih tidak mempunyai pengertian umum yang merangkumi kesemua ciri tasawuf. Malahan definisi yang berbagai adalah mengikut pengertian dan

kefahaman para pengkaji sendiri. Walaubagaimana pun ta-  
sauf tidak terkeluar dari maksud asal perkataannya dan  
ia mengandungi konsep hidup yang mengarah kepada proses  
pembersihan diri dan al Ihsan.

5. Istilah tasauf mula dipakai pada abad ke 3 H oleh Jabir Bin Haiyam (m 815 M) dan Abu Hisyam (m 776 M). Walaubagaimana pun jiwa pengamalan tasauf itu telah bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w. Pada waktu itu, prinsip tasauf dikenali dengan istilah al Ihsan. Perkembangannya mencapai kematangan dalam abad ke 3 H, dimana ketika itulah lahirnya istilah-istilah khusus yang digunakan di dalam tasauf. Perkembangannya mula menurun di dalam abad ke 8 H. hinggalah hari ini.
6. Terdapat hubungan yang erat antara <sup>c</sup>aqidah, shari<sup>c</sup>at dan tasauf di mana tasauf (al Ihsan) adalah penyempurna bagi shari<sup>c</sup>at dan shari<sup>c</sup>at pula merupakan hakim bagi tasauf. Setiap perkara tasauf yang menyalahi ajaran shari<sup>c</sup>at adalah terkeluar dari tasauf Islam. Sementara <sup>c</sup>aqidah pula mengikat tasauf manakala tasauf merupakan penghayatan bagi <sup>c</sup>aqidah dan shari<sup>c</sup>at secara dalaman yang dilahirkan di dalam bentuk akhlak luaran.
7. Istilah tariqat pula lahir selepas zaman permulaan Islam iaitu pada abad ke 3 H. malahan perkataan ini banyak digunakan oleh al Quran. Ia diertikan sebagai ja-

lan, petunjuk dan panduan dalam melaksanakan tugas-tugas ibadah yang bersesuaian dengan ajaran al Quran dan al Sunnah.

8. Al Quran dan al Hadis adalah sumber dan dasar bagi tasauf Islam. Semua ajaran yang terdapat di dalam tasauf mestilah tidak terkeluar dari garis-garis yang ditetapkan oleh kedua sumber tersebut.
  9. Amalan tariqat bertujuan untuk membawa pengamalnya mencapai tingkat ihsan bagi membina keperibadian individu muslim yang kukuh dalam menghadapi pengaruh materialisme dan penyelewengan agama.
  10. Tariqat-tariqat mu<sup>c</sup>tabar ialah tariqat yang mempunyai salsilah yang terang dari seorang guru murshid kepada seorang yang lain hingga sampai kepada Rasulullah s.a.w. Setiap tariqat mempunyai cara amalan, bentuk pengajaran dan latihan tersendiri mengikut yang ditetapkan oleh sheikh masing-masing, tetapi ia tidak boleh terpisah dari asas-asas ajaran Islam.
- II. Tariqat Ahmadiyah mula muncul pada abad ke 19 M. dengan tiga orang pengasas utamanya iaitu Sidi Ahmad bin Idris (m 1837 M), Sidi Ibrahim al Rashidi (m 1872 M) dan Sidi Muhammad bin Ahmad al Dandarawi (m 1909 M). Hasil dari pengajaran merekalah lahirnya sebuah tariqat yang diberi nama Tariqat Ahmadiyah bersempena nama Ahmad Idris.

12. Tariqat Ahmadiyah yang bertujuan untuk meletakkan akhlak manusia setanding dengan akhlak Rasulullah s.a.w. dalam mencapai tingkat pengibadatan yang diperolehi oleh baginda, muncul di Kelantan pada tahun 1895 M. yang dipelopori oleh Haji Abdul Samad bin Muhammad Salleh al Kelantani (Tuan Tabal). Bermula dari sinilah rakyat Kelantan turut melibatkan diri dalam ajaran tasawuf sehingga sekarang.

13. Pada mulanya perkembangan Tariqat Ahmadiyah di Pasir Puteh tidak mendapat sambutan, tetapi kemudiannya ia mula mendapat perhatian orang ramai dari seluruh negeri Kelantan. Pada hari ini terdapat beratus-ratus pengamal Tariqat Ahmadiyah yang masih bergerak cergas dan terdiri dari berbagai golongan masyarakat.

14. Konsep zikir merupakan tunggak utama dalam suatu tariqat. Tariqat Ahmadiyah mempunyai beberapa amalan zikir asas iaitu tahlil, selawat<sup>c</sup> azamiyah dan istighfar kabir. Ketiga-tiga zikir tersebut mempunyai banyak kelebihan dan ianya berbeza di antara satu sama lain. Di samping itu terdapat pula zikir-zikir tambahan yang dibentuk oleh sheikh tariqat itu.

15. Untuk menjadi ahli Tariqat Ahmadiyah secara rasmi, seseorang itu mestilah ditalqinkan terlebih dahulu oleh seorang sheikh tariqat yang mempunyai ijazah yang dibe

rikan oleh sheikh yang terdahulu. Cara dan bentuk talqin ini berbeza menurut tariqat masing-masing. Ia boleh dilakukan samada secara individu atau beramai-ramai di mana secara individu adalah lebih sempurna.

I6. Tariqat Ahmadiyah menggariskan adab-adab yang tidak bertentangan dengan yang ditetapkan oleh Islam, tidak sebagaimana yang sering terdapat di dalam beberapa buah tariqat lain.

I7. Secara keseluruhannya, kesan yang diperolehi oleh masyarakat setempat tidak begitu ketara. Hanya segelintir daripada pengamalnya yang benar-benar berjaya mencapai tujuan Tariqat Ahmadiyah itu. Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya ketidak berkesanan itu adalah seperti berikut:

- i. Tidak ada kesungguhan dalam mengamalkan ajaran tariqat tersebut.
- ii. Kefahaman masyarakat yang sempit terhadap ajaran tasauf dan Tariqat Ahmadiyah sendiri.
- iii. Masyarakat tidak mendapat pengetahuan yang jelas tentang tujuan dan matlamat bertariqat.
- iv. Kesibukan masyarakat dengan tugas harian dan kealpaan mereka dalam mengejar harta dunia.
- v. Masyarakat bimbang mereka akan terjerumus ke dalam ajaran sesat sekiranya mereka ikut ser-

ta dalam ajaran ilmu tasauf.

## 2) Saranan

Berdasarkan kesimpulan-kesimpulan di atas, penulis membuat saranan-saranan berikut:

- I. Untuk meningkatkan lagi peranan Kelantan sebagai sebuah pusat penyebaran Islam dan pendidikan agama, kerajaan perlu mempergiatkan lagi kegiatan dakwahnya. Di samping itu kerajaan perlu mengambil alih pentadbiran institusi pelajaran dan mengambil berat tentang permasalahan yang dihadapi oleh sekolah-sekolah agama tersebut.
2. Untuk melahirkan tokoh 'ulama' yang setanding dengan 'ulama' dahulu, kerajaan dan orang ramai seharusnya memberi sokongan penuh terhadap pembelajaran agama di sekolah-sekolah. Pelajar yang berjaya perlu digalakkan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi bagi mempelajari segala cabang ilmu agama seperti Ilmu Usuluddin, Shari'at termasuk juga Ilmu Tasauf.
3. Usaha-usaha di kalangan para pengkaji, pengamal dan pelajar tasauf perlu dipertingkatkan lagi untuk mencari satu pengertian umum bagi tasauf yang merangkumi semua ciri tasauf.
4. Pada masa ini, banyak ajaran bercorak agama yang muncul di tengah-tengah masyarakat. Ajaran-ajaran tersebut mem

perkenalkan berbagai bentuk dan corak amalan yang ternyata menyeleweng dari lunas-lunas al Quran dan al Hadis. Untuk membezakan antara ajaran yang salah dengan ajaran yang benar, para 'ulama' perlu mengkaji secara teliti, apakah ajaran yang dikemukakan itu tidak bertentangan dengan ajaran Shari'at dan 'aqidah, kerana ketiga-tiga ilmu tersebut tidak seharusnya bertentangan di antara satu dengan yang lain.

5. Amalan tariqat perlu bagi mendidik jiwa masyarakat supaya tidak terlalu mementingkan keduniaan dan mempunyai ketahanan yang kuat dalam menghadapi gelombang ajaran sesat.
6. Institusi-institusi pendidikan perlu meningkatkan pendidikan tasauf (akhlak) sebagai salah satu matapelajarannya. Ia bertujuan untuk memperkenalkan tasauf Islam yang sebenar. Pengetahuan yang sempit hanya akan menimbulkan tekanan dan dilema kepada orang ramai untuk menentukan kesahihan sesebuah tariqat.
7. Salsilah adalah penting dalam perkembangan sesebuah tariqat. Oleh itu seseorang sheikh perlu membuktikan bahawa tariqatnya mempunyai salsilah yang terang dan jelas untuk memudahkan penerimaan masyarakat terhadap ajaran tariqatnya.



8. Dalam usaha untuk mengembangkan lagi Tariqat Ahmadiyah, inisiatif gigih dan giat perlu dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab, antaranya:

- i. Sheikh tariqat perlu memperolehi surat akuan daripada Majlis Agama Islam untuk membuktikan bahawa ajarannya tidak menyeleweng dari ajaran Islam.
- ii. Sheikh tariqat perlu memperkenalkan tariqatnya dengan cara sistematik seperti mengadakan seminar, sharahan dan melalui publisiti media-massa.
- iii. Sheikh tariqat perlu menjalankan kegiatan zikir dengan cara terang-terangan kerana masyarakat akan lebih terdedah kepada pengetahuan umum.
- iv. Mengadakan pertemuan di antara sheikh-sheikh berbagai tariqat atau menubuhkan persatuan bagi memenuhi kebajikan ahli tariqat dan menyelesaikan masalah yang dihadapi.
- v. Pihak Majlis Agama Islam perlu memberi penerangan kepada orang ramai tentang ajaran sesat supaya mereka tidak keliru. Di samping itu pihak Majlis juga perlu menyenarai nama-nama tariqat yang salah dan juga yang benar

serta menyebarkan kepada orang ramai.

vi. Sheikh tariqat perlu mendapat pendidikan ter-  
tinggi di dalam pendidikan Islam supaya ma-  
syarakat yakin bahawa ia benar-benar tidak  
bertentangan dengan Islam.

9. Untuk menghasilkan individu-individu muslim yang benar-  
benar mencontohi Nabi Muhammad s.a.w. bersesuaian  
dengan matlamat Tariqat Ahmadiyah ini, maka penulis mem-  
buat beberapa saranan:

- i. Pengamal tariqat ini mestilah mempunyai ke-  
sungguhan dalam mengamalkan ajaran tersebut.
- ii. Masyarakat hendaklah diperkenalkan dengan Il-  
mu Tasauf (akhlak) dan dididik supaya mencin-  
tainya.
- iii. Masyarakat perlu dididik dengan ajaran agama  
supaya tidak terlalu mementingkan material  
dan mereka perlu menyedari bahawa mereka ti-  
dak hidup kekal di dunia.
- iv. Pihak sheikh tariqat dan Majlis Agama Islam  
perlu memberi suatu panduan tentang tujuan dan  
matlamat tariqat yang tidak bertentangan deng-  
an Islam supaya masyarakat berminat untuk me-  
nyertainya.
- v. Masyarakat juga perlu diberi penjelasan ten-